

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

3

Nasional

Penularan COVID-19



Orang ramai yang mengunjungi Arked Tanjung Dawai memakai pelitup muka sebagai mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan ketika berada di tempat umum. (Foto BERNAMA)

Kluster Tawar catat lima kes baharu

2,942 sudah disaring membabitkan Kedah, Pulau Pinang, Perak

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Lapan kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, iaitu lima kes penularan tempatan membabitkan Kluster Tawar di Kedah, manakala tiga kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata, ia sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan individu yang dijangkiti COVID-19 dalam kluster itu seramai 63 kes.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam) 2,942 orang sudah disaring membabitkan Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

"Di Kedah 2,414 disaring dan daripada jumlah berkenaan, 52 kes dikesan positif COVID-19, 2,227 individu negatif dan 35 individu masih menunggu keputusan.

"Di Pulau Pinang pula, 517 individu disaring, iaitu 11 kes dikesan positif COVID-19, 443 individu negatif dan 63 individu masih menunggu keputusan, manakala di Perak tiada saringan baharu dilakukan dan sehingga kini 11 individu disaring dan se-



Dr Noor Hisham Abdullah

mua mereka adalah negatif," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini kepada 9,257 kes.

Katanya, jumlah kes aktif dengan kebolehsangkitan COVID-19 di negara ini ialah 183 kes. Sehingga kini, lapan kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan empat daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), Dr Noor Hisham berkata, empat kes pulih dilaporkan, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih daripada COVID-19 di negara ini kepada 8,949 kes bersamaan 96.7 peratus daripada keseluruhan kes.

Beliau berkata, tiada pertambahan kes kematian dan jumlahnya kekal 125 kes atau 1.35 peratus daripada keseluruhan kes.

Katanya, bagi kes import pula terdapat tiga kes dilaporkan iaitu membabitkan seorang warga Malaysia dan dua warga asing,

masing-masing satu kes mendapat jangkitan dari Bangladesh, Belanda dan Filipina.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, notifikasi dalam aplikasi MySejahtera bagi kes positif COVID-19 di Subang Jaya yang tular di media sosial sebelum ini, didapati didaftar di lokasi tidak tepat.

Beliau berkata, kes positif COVID-19 itu dilaporkan pada 10 Ogos lalu yang menjangkiti seorang warga asing ketika menjalani saringan di tempat kerja.

"Sementara menunggu keputusan ujian, majikannya mengambil inisiatif meletakkan beliau di bawah kuarantin di sebuah hotel di Subang Jaya, iaitu lokasi yang didaftar dalam aplikasi MySejahtera.

"Namun selepas mendapat keputusan saringan COVID-19, alamat pendaftaran kes berkenaan dipindahkan semula ke alamat tempat tinggalnya iaitu di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras sebelum beliau dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

"Ini penting kerana segala tindakan pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat dijalankan di lokasi tempat kediaman kes iaitu di Bandar Tun Hussein Onn.

"Lokasi ini juga turut dikemas kini dalam aplikasi MySejahtera sebagai alamat kes didapati positif," katanya.

Sebelum ini, tular di media sosial meminta orang ramai menghindari beberapa kawasan tumpuan di Subang Jaya kerana dua kes positif COVID-19 dikesan di kawasan berkenaan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

4

23 OGOS 2020 BH AHAD

Nasional

Mohon maaf, pulang gaji empat bulan

Mohd Khairuddin dikompaun RM1,000 gagal patuhi SOP kuarantin wajib

Oleh Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Selepas beberapa hari berdepan kritikan pelbagai lapisan masyarakat, akhirnya Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali memohon maaf kerana tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) kuarantin ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM).

Mengambil tanggungjawab itu, Mohd Khairuddin yang juga Ahli Majlis Syura Ulama PAS, turut memulangkan gajinya sebagai menteri, bermula Mei hingga bu-

lan ini untuk disumbangkan kepada Tabung Bantuan Bencana Negara (Tabung COVID-19).

Beliau berkata, langkah itu adalah tanda memohon maaf dan bertanggungjawab atas kesilapannya melanggar SOP kuarantin wajib selepas pulang dari Turki pada 7 Julai lalu, yang menyebabkan beliau dikompaun RM1,000.

"Sebagai menteri, saya bertanggungjawab untuk akur kepada peraturan dan SOP sepanjang tempoh PKPP (Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan). Sebagai menzahirkan rasa bertanggungjawab itu, saya akan memulangkan semua gaji sebagai menteri untuk Mei hingga Ogos.

"Ia sebagai sumbangan kepada Tabung COVID-19 di bawah KKM. Gaji Mac dan April juga telah disumbangkan ke tabung itu seperti yang diputuskan Kabinet sebelum ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Mohd Khairuddin berkata demikian ketika mengulas dakwaan beliau tidak mematuhi kua-

rantin selepas pulang dari luar negara yang menjadi isu panas dan perdebatan di Dewan Rakyat kelmarin juga dalam kalangan netizen di media sosial.

Khamis lalu, Ahli Parlimen Kuala Nerus itu memaklumkan, ujian COVID-19 sudah dilakukannya sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) selepas pulang dari-

pada lawatan tidak rasmi ke Turki pada 3 hingga 7 Julai sebelum menghadiri persidangan Dewan Rakyat pada 13 Julai.

Mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342), kerajaan mewajibkan semua individu yang baru tiba dari luar negara, termasuk warga negara dan warga asing untuk menjalani kuarantin wajib sela-

ma 14 hari sebagai langkah mengekang penularan virus COVID-19.

Arahan itu sebelum ini membenarkan individu untuk kuarantin di rumah, namun kerajaan menukarnya kepada kuarantin wajib di pusat kuarantin bermula 24 Julai selepas menerima aduan bahawa ada di antara mereka yang pulang dari luar negara gagal mematuhi peraturan kuarantin di rumah.

Terdahulu, KKM dalam satu kenyataan, memaklumkan Mohd Khairuddin dikompaun RM1,000 pada 7 Ogos lalu kerana gagal mematuhi SOP kuarantin wajib 14 hari selepas pulang dari Turki, sekali gus melakukan kesalahan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

KKM juga menjelaskan, Mohd Khairuddin pulang dari Turki pada 7 Julai lalu dan menjalani *nasopharyngeal swab* (ujian calitan) kali pertama pada hari sama dan didapati negatif.

Kadar kompaun ikut Akta 342

Kuala Lumpur: Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, menjelaskan mengikut Akta 342, kadar kompaun maksimum terhadap mereka yang ingkar peraturan serta perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah hanya RM1,000.

Dalam isu membabitkan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr

Mohd Khairuddin Aman Razali, beliau berkata, polis menjalankan siasatan susulan laporan dibuat terhadap pelanggaran kuarantin di rumah.

Dr Noor Hisham memberi penjelasan terbabit sebagai reaksi kepada banyak pertanyaan dibangkitkan netizen yang tidak berpuas hati terhadap kadar kompaun dikenakan KKM terhadap menteri itu.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

4 | **Negara!**

Kosmo! Ahad 23 OGOS 2020



Covid-19 #kitamestimenang

Mohd. Khairuddin sumbang gaji bulan Mei hingga Ogos kepada Tabung Bencana

'Maaf atas kekhilafan yang berlaku'

Oleh **NOR IDAYU BOSRO**
 dan **ZULKIFLI MANZOR**

PUTRAJAYA – Menteri Perumahan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr. Mohd. Khairuddin Aman Razali memohon maaf kepada rakyat Malaysia atas kesalahan gagal mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) kuarantin wajib 14 hari selepas pulang dari Turki, 7 Julai lalu.

Menurutnya, beliau akan memulangkan semua gaji sebagai Menteri bagi bulan Mei hingga Ogos lalu sebagai sumbangan kepada Tabung Bantuan Bencana Negara (Tabung Covid-19) di bawah Kementerian Kesihatan.

Katanya, gaji Mac dan April lalu juga telah disumbangkan ke tabung tersebut seperti keputusan Kabinet sebelum ini.

"Berhubung isu SOP ini, saya memohon jutaan kemaafan kepada seluruh rakyat Malaysia atas kesalahan yang berlaku.

"Sebagai Menteri, saya bertanggungjawab untuk akur kepada peraturan dan SOP sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd. Khairuddin berkata, dia



MOHD. Khairuddin menyumbangkan empat bulan gaji sebagai menteri kepada Tabung Covid-19 atas dasar tanggungjawab kerana melanggar SOP.

juga akan terus bekerja keras dan melipatgandakan segala usaha dan tenaga untuk melaksanakan tugas amanah sebagai Menteri.

Terdahulu, Kementerian Kesihatan dalam satu kenyataan memaklumkan Mohd. Khairuddin dikenakan kompaun RM1,000

kerana gagal mematuhi SOP kuarantin wajib 14 hari selepas pulang dari luar negara pada 7 Julai lalu.

Mohd. Khairuddin melakukan kesalahan mengikut Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit



KERATAN Kosmo! 21 Ogos 2020.

kit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998 (Akta342).

"Oleh kerana gagal mematuhi peraturan di bawah Akta 342, Pegawai Diberi Kuasa (PDK) telah mengeluarkan kompaun sebanyak RM1,000 kepada Mohd. Khairuddin pada 7 Ogos 2020 dan beliau telah menjelaskan kompaun tersebut," kata kenya-

taan itu di sini semalam.

Menurut kenyataan itu, Mohd. Khairuddin pulang ke negara ini dari Turki pada 7 Julai lalu dan pengambilan sampel 'nasopharyngeal swab' kali pertama terhadapnya dilakukan pada hari sama.

"Sampel pertama didapati negatif. Ujian saringan COVID-19 kali kedua dan ketiga juga menunjukkan keputusan negatif," katanya.

Kluster Tawar catat 5 kes baharu

PUTRAJAYA – Sebanyak lapan kes baharu Covid-19 dilaporkan semalam dengan lima kes penularan tempatan membabitkan Kluster Tawar.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, kes penularan tempatan tersebut membabitkan warga Malaysia iaitu dua lelaki berusia 24 dan 51 tahun serta tiga wanita berusia 29, 34 dan 50 tahun.

"Lima kes baharu bagi Kluster Tawar menjadikan jumlah positif bagi kluster ini sebanyak 63 kes.

"Seramai 2,942 telah disaring hari ini (semalam) di Kedah, Pulau Pinang dan Perak," katanya di sini semalam.

Menurutnya, tiga kes import pula membabitkan seorang warganegara dan dua warga asing yang mendapat jangkitan dari Bangladesh, Belanda dan Filipina.

"Kes ini dikesan di Kuala Lumpur, Sarawak dan Sabah," ujarnya.



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	8
• Import: 3 Tempatan: 5	
• Pulih	4
• Kematian	0
• Masih dirawat	183
• Jumlah kes sembuh	8,949
• Jumlah Kematian	125
Jumlah kes keseluruhan	9,257

Katanya, Kluster Syarikat Pembinaan Kuching di Kuching, Sarawak disahkan tamat semalam.

Noor Hisham berkata, notifikasi dalam aplikasi MySejahtera

bagi kes positif Covid-19 di Subang Jaya yang tular di media sosial sebelum ini, didapati didaftar di lokasi tidak tepat.

Katanya, kes positif itu dilaporkan pada 10 Ogos lalu yang menjangkiti seorang warga asing ketika menjalani saringan di tempat kerja.

"Sementara menunggu keputusan ujian, majikannya mengambil inisiatif meletakkannya di sebuah hotel di Subang Jaya iaitu lokasi yang turut didaftar dalam aplikasi MySejahtera.

"Setelah mendapat keputusan saringan, alamat pendaftaran kes dipindahkan semula ke alamat tempat tinggalnya di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras sebelum dia dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh," katanya.

Noor Hisham turut menjelaskan, ia penting kerana segala tindakan pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat dijalankan di lokasi tempat kediamannya di Bandar Tun Hussein Onn.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

2

Sinar **Ahad** #JongonPabusAsu #Malaysia

KKM wajar beri penjelasan lanjut berhubung kompaun dikenakan

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu memberikan penjelasan berhubung kompaun yang dikenakan ke atas mereka yang didapati bersalah termasuklah menteri kerana ingkar perintah kuarantin Covid-19 selepas pulang dari luar negara.



LAM THYE

Aktivis sosial, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, apabila timbul isu ketidakpuasan hati dalam kalangan masyarakat berhubung kompaun yang dikenakan itu, maka adalah wajar bagi KKM tampil untuk memberikan penjelasan mengenai perkara tersebut.

Menurutnya, KKM mungkin mempunyai alasan yang tersendiri dalam menentukan jumlah kompaun yang dikenakan di bawah Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998 (Akta 342).

"Apabila isu ini mengundang ketidakpuasan hati orang ramai, jadi saya cadangkan KKM memberikan penjelasan lanjut mengenai perkara ini agar ia dapat diselesaikan.

"Mungkin kompaun atau denda yang dikenakan itu bergantung kepada garis panduan atau kesan terhadap kesalahan dilakukan dan perkara ini perlu diperincikan oleh KKM sendiri," katanya kepada *Sinar Ahad* di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai isu kompaun yang dikenakan terhadap Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali kerana ingkar perintah kuarantin selepas pulang dari luar negara.

Mohd Khairuddin dikenakan denda sebanyak RM1,000 oleh KKM namun denda itu dilihat terlalu ringan kerana umum mengetahui bahawa nilai denda tersebut amat kecil bagi seorang menteri.

Sedangkan pencetus Kluster Sivagangga di Kedah dipenjara lima bulan dan didenda RM12,000 kerana tidak mematuhi tempoh kuarantin wajib di rumah manakala seorang wanita warga emas di Ipoh, Perak dipenjara sehari dan didenda RM8,000 setelah mengaku bersalah melanggar kuarantin di rumah apabila keluar menjamu selera.

Mengulas lanjut, Lam Thye bagaimanapun memuji tindakan yang dilakukan oleh KKM terhadap mereka yang melanggar peraturan dan tidak mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan tanpa mengira sama ada mereka itu ahli politik, menteri mahupun orang awam.

"Apa yang saya lihat tindakan mengenakan kompaun dan denda ke atas mereka yang didapati bersalah itu adalah satu tindakan tepat serta adil.

"Bagaimanapun, kadar atau jumlah kompaun itu bergantung kepada KKM dan mereka perlu menjelaskan dengan terperinci mengapa berlaku perbezaan dalam kadar yang dikenakan sebagaimana diperkatakan ketika ini," jelasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19



Kluster Tawar rekod lima kes baharu

63 kes dikesan positif daripada kluster berkenaan setakat semalam

PUTRAJAYA

Sebanyak lapan kes baharu Covid-19 yang melibatkan lima kes penularan dalam negara dan tiga kes import dilaporkan semalam, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, perkembangan terbaharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif virus berkenaan sebanyak 9,257 kes dengan kes aktif kebanyakan Covid-19 berjumlah 183 kes.

Katanya, tiga kes import yang telah mendapat jangkitan di luar negara itu melibatkan seorang rakyat Malaysia dan dua bukan warganegara.

Tiga kes import tersebut adalah dari Bangladesh (di Kuala Lumpur),


Belanda (di Sarawak) dan Filipina (di Sabah).

“Kesemua lima kes penularan di dalam negara pula melibatkan warganegara Malaysia iaitu kes daripada Kluster Tawar di Kedah,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.


Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak empat kes pulih daripada Covid-19 dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif pesakit yang sembuh sebanyak 8,949 kes iaitu 96.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Memperincikan Kluster Tawar di Kedah, Ketua Pengarah Kesihatan itu berkata, dengan lima kes baharu dilaporkan bagi kluster itu menjadikan jumlah kes dikesan positif Covid-19 adalah sebanyak 63 kes.

Setakat jam 12 tengah hari semalam katanya, seramai 2,942 orang telah disaring dalam kluster ini dan pengesanan kes serta saringan kontak rapat bagi kluster ini masih diteruskan. - Bernama



SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

SINAR AHAD • 23 OGOS 2020

75 individu dikompaun, 11 direman ingkar arahan PKPP

KUALA LUMPUR - Seramai 75 individu dikompaun manakala 11 individu pula direman atas kesalahan ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) kelmarin.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, seramai 53 individu dikenakan tindakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana melakukan kesalahan menyukarkan penjarakkan fizikal, 30 individu gagal menyediakan peralatan atau catatan keluar masuk, dua orang tidak memakai pelitup muka serta seorang pendatang asing tanpa izin (PATI).

Mengenai Ops Benteng bagi mengawal sempadan negara pula, PDRM mengadakan 63 sekatan jalan raya di seluruh negara dan memeriksa 28,729 kenderaan bagi mengekang kemasukan PATI terutamanya di lorong-lorong tikus.

"Daripada operasi tersebut, tiada sebarang tangkapan dilakukan. Kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang cuba memasuki sempadan negara secara haram dan agensi penguat kuasa terus mengetatkan kawalan sempadan," katanya dalam satu kenyataan mengenai perkembangan PKPP di sini semalam.

Sementara itu, sejak 24 Julai hingga kelmarin, seramai 15,174 individu telah pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa dan kesemua telah ditempatkan di 69 hotel dan lima Institut Latihan Awam (ILA).

Jelasnya, daripada jumlah itu, seramai 43 individu telah dihantar ke hospital untuk rawatan dan 7,469 individu telah discaj serta dibenarkan pulang.

"Mereka telah pulang dari 32 negara iaitu Filipina, Thailand, Indonesia, Kemboja, Singapura, Vietnam, Brunei, Qatar, Pakistan, Arab Saudi, Hong Kong, India, UAE, Jepun, Turki, Korea Selatan, Iran, Nepal, Bangladesh, Myanmar, Timor Leste, Taiwan, China, United Kingdom, Belanda, Papua New Guinea, Mesir, Sepanyol, Perancis, Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat," katanya. - *Bernama*

Tahanan lokap di IPD Semporna positif Covid-19

SEMPORNA - Seorang wanita yang ditahan di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Semporna di sini membabitkan kesalahan di bawah Seksyen 26J Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Atipsom) 2007 didapati positif Covid-19 kelmarin.

Warga Filipina berusia 29 tahun itu yang ditahan di perairan Semporna pada 16 Ogos menerima keputusan itu selepas lima hari menjalani saringan di Klinik Kesihatan Semporna.

Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Hazani Ghazali ketika dihubungi mengesahkan kes berkenaan.

Menurutnya, IPD Semporna serta pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang mengambil tindakan sewajarnya bagi mengelakkan penularan kes itu.

Difahamkan KKM selesai menjalankan proses nyah cemar di seluruh kawasan IPD Semporna terutamanya lokap yang menempatkan suspek wanita itu.

Dianggarkan lebih 100 individu termasuk tahanan lokap, pegawai dan anggota polis yang dipercayai menjadi kontak rapat wanita berkenaan perlu menjalani ujian saringan Covid-19. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 26

RUANGAN : SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN

26

sinarplus / PERSPEKTIF

SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN

Oleh MAZLINA ABDUL MAJID
Foto KOLEKSI DR MASLIZA MAHMUD dan BERNAMA

23 OGOS 2020 • SINAR AHAD



Dr Masliza dari mata Dr Noor Hisham

Ketua Pengarah Kesihatan dedah Dr Masliza sanggup tolak tawaran hospital swasta kerana mahu perbaiki taraf hidup pesakit jantung

KETUA Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menyifatkan Dr Masliza Mahmud sebagai penyelidik berkelas dunia yang cemerlang dan terbilang.

Dalam satu wawancara eksklusif bersama *SinarPlus*, Dr Noor Hisham berkata, peranan anak jati Johor itu penting di peringkat antarabangsa yang secara tidak langsung memberi manfaat kepada Malaysia.

"Dengan posisi tinggi di universiti berprestij dunia, beliau mempunyai pengaruh yang kuat untuk mencurahkan bakti kepada negara dengan memberi peluang dan kerjasama rapat menghubungkan bakal doktor penyelidikan dan pakar perubatan dalam negara dengan institusi pendidikan berkenaan," kata Tokoh Maal Hijrah 2020 itu.

Ujar Dr Noor Hisham lagi, pengorbanan figura itu juga sangat dihargai apabila sanggup menolak tawaran di hospital swasta demi cita-cita dan azam beliau yang jitu untuk memperbaiki taraf hidup pesakit jantung melalui penyelidikan.

Kejayaan Dr Masliza juga ungunya, sudah pasti akan menghasilkan lebih ramai lagi doktor seperti yang bukan sahaja berperanan sebagai pengamal perubatan waima sebagai penyelidik akademik terkemuka dalam mencari rawatan yang lebih baik untuk pesakit-pesakit jantung seantero dunia.

Berdasarkan rekod, di Malaysia, terdapat ramai pakar dalam bidang kardiologi, namun hanya segelintir yang terlibat dalam bidang perubatan akademik kardiovaskular.

Kebanyakan pakar jantung di Malaysia adalah pakar klinikal yang sebahagian

besarnya berada di hospital swasta, ujar Dr Noor Hisham.

Kepada satu soalan, beliau berkata: "Sudah tentu kejayaan Dr Masliza akan memberi inspirasi kepada kaum wanita untuk mengambil bidang yang sama (kardiologi) ataupun bidang-bidang yang lain juga."

Sebenarnya, Dr Noor Hisham merupakan alumni Universiti Kebangsaan Malaysia sama seperti Dr Masliza. Sesungguhnya, ketekunan dan kesungguhan kedua-dua individu berkenaan dalam arena masing-masing sangat dihargai oleh kita semua.

Melawan sindiran, erti merdeka

Perbuatan saya dengan Dr Masliza memang panjang lebar. Terus terang, saya memang larut bersembang dengan seorang yang berilmu seperti Dr Masliza. Daripada soalan bernada serius, saya bertanya tentang sisi lainnya.

Kata wanita yang peramah itu, di Universiti Oxford, beliau ialah saintis, pensyarah, penyelidik dan doktor.

Pun demikian, apabila di rumah, beliau masih seorang ibu yang menjaga tiga anak tersayang.

"Di sini, saya masih masak sendiri, mengemas. Makan luar bukan tradisi, semua makan di rumah. Kos hidup sangat tinggi, saya tiada pembantu rumah dan hidup di sini tidak mewah.

"Gaji saya juga tidak besar. Pendek kata, kita kena pandai urus wang untuk terus survival," akunya yang menetap di Oxfordshire sejak 2010.

Melihat vektor kehidupan dan cabaran Dr Masliza, meyakinkan saya bahawa beliau bukan wanita biasa-biasa. Menjadi dirinya, perlu ada sinergi dalam pelbagai aspek termasuk kecekalan, kesabaran, keteguhan dan kekuatan iman.

Sebagai pengamal media yang rasional, saya langsung bertanyakan kepadanya, apa sumbangan yang boleh beliau beri kepada tanah air? Bukan mahu skeptikal, namun saya mewakili diri untuk menyuarakan pandangan sinis masyarakat terhadap pernyataan 'bakat tempatan, negara luar yang dapat'.

Dr Masliza tidak pesimis, konotasinya tenang tatkala memberi reaksi balas. Katanya: "Saya terus kekal di sini demi Malaysia. Saya mempunyai pengaruh



UJAR anak Malaysia penuh patriotik ini, beliau beriltizam mahu menjadi penghubung antara Malaysia dengan kampus paling hebat dalam catatan sejarah dunia, Universiti Oxford.

untuk membantu Malaysia, misalnya, beri tempat dan cadangan untuk seslapa yang layak ke Oxford. Saya juga berpengaruh untuk membuka sebarang kolaboratif dalam penyelidikan."

Tidak terhenti setakat di situ, Dr Masliza berkata, di Universiti Oxford, beliau bertindak sebagai duta memperkenalkan Malaysia yang sebelum ini jarang diketahui.

"Di sini, saya ingin buat sesuatu yang membanggakan termasuk mewujudkan persepsi positif tentang rakyat negara kita dan melaksanakan kajian-kajian yang akhirnya memberi impak kepada dunia terutama rakyat Malaysia," katanya yang kini sedang menyelia dua pelajar PhD Malaysia di kampus Oxford.

Mereka ialah Aliah Abdul Jamil yang sedang mengikuti Jurusan Kejuruteraan Biomedik dan Dr Azlan Helmy Abd Samad, pensyarah perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia yang akan memulakan PhD September ini dalam bidang Sains Perubatan.

Mengenai penyelidikan terkini, selaku Ketua Kumpulan Penyelidikan Klinikal, Pusat Penyelidikan Resonans Magnetik Klinikal, Bahagian Perubatan Kardiovaskular, Universiti Oxford, Dr Masliza berbangga apabila mendapat geran penyelidikan kardiovaskular menerusi kajian penggunaan teknik resonans magnetik jantung bernilai RM16 juta.

Ujarnya, kajian tersebut sangat signifikan dalam mencari penggunaan ubat baharu yang lebih baik dalam mengatasi kegagalan jantung manusia.

Hasil penyelidikan itu yang akan didedahkan dalam masa beberapa bulan lagi bakal mencipta satu lagi historiografi dunia dalam bidang kardiovaskular.

Kejayaan memperoleh geran penyelidikan itu turut membawa perkhbarannya apabila Dr Masliza diiktiraf sebagai Pensyarah Penyelidikan, pada tahun 2017.


Ya, dalam tempoh lebih kurang seminggu lagi, Malaysia bakal menyambut kemerdekaan kali ke-63. Apa erti merdeka bagi anak Malaysia yang mengharumkan negara di serata dunia itu?

Dengan nada penuh patriotik, Dr Masliza menjawab: "Pada saya, perjuangan Tunku Abdul Rahman dan kepimpinan beliau sehingga memperoleh kemerdekaan daripada jajahan British pada tahun 1957 adalah satu kejayaan yang amat dibanggakan.

"Saya rasa perjuangan saya dan juga rakyat Malaysia lain yang berada di UK selama ini sehingga mendapat pengiktirafan di sini membuktikan yang Malaysia (negara yang pernah dijajah oleh British), kini sudah setara."

Benar, mencari manusia separuh malaikat sangat mustahil, namun sinopsis perjuangan Dr Masliza dalam arena pilihan dan kehidupannya sudah cukup mencetuskan inspirasi.

Katanya, kegagalan adalah perkara mutlak yang perlu dilalui oleh sesiapa tidak kira apa status, strata atau kedudukan sosial.

"Kita tak boleh harapkan akan berjaya sahaja. Macam saya, apa yang anda nampak adalah selepas saya melalui terlalu banyak kegagalan, mungkin dalam 100, 90 peratus adalah kegagalan. Namun, tak mengapa, yang penting jangan jemu berusaha, cuba dan cuba lagi," katanya. 

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

Khairuddin fined RM1,000

KUALA LUMPUR: Plantation Industries and Commodities Minister Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali has been slapped with a RM1,000 compound for failing to adhere to the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342).

The Health Ministry yesterday said the compound was issued to Khairuddin on Aug 7 and that the minister had paid the amount.

"The Health Ministry issued a compound to Khairuddin after he was found to commit an offence under the Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within the Infected Local Areas) Regulations 2020, the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342).

"Khairuddin returned from Turkey on July 7.

"His nasopharyngeal swab sample was taken for the first time on the same day and tested

negative for the virus.

"The second and third Covid-19 screenings conducted on him also showed a negative result. Since he failed to adhere to regulations under the act, he was issued the compound."

It was reported that Khairuddin, who is Kuala Nerus member of parliament, allegedly violated his compulsory isolation period after his return from Turkey when he attended Dewan Rakyat proceedings.

His alleged quarantine violation became a hot topic in the Dewan Rakyat and caused a social media storm.

It was reported that Seputeh MP Teresa Kok claimed that Khairuddin visited Turkey from July 3 to 7, but attended Parliament only a week later.

Malaysians returning from abroad and other nationals permitted to enter the country must undergo compulsory quar-

antine for 14 days at designated centres by the government.

Earlier, it was reported that Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the Health Ministry was probing into claims that Khairuddin had flouted the quarantine order.

In **Kota Baru**, Minister in the Prime Minister's Department (Parliament and Law) Datuk Takiyuddin Hassan said despite Khairuddin's status as a minister, he, too, had to abide by the legal process.

"A person is not guilty until proven guilty.

"If an offence is taken to court and if the court proves him to be guilty, then he is guilty, whether he is a regular member of the public or a leader."

Takiyuddin said this after officiating at the Kota Baru Parliamentary Student Assistance Scheme here yesterday.

'I will donate my salary for violating quarantine order'

KUALA LUMPUR: Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali has pledged to donate the salaries he received from May until this month to the Health Ministry's Covid-19 Fund.

The plantation industries and commodities minister had said so in a statement of apology to the public for violating standard operating procedures (SOP) under the Recovery Movement Control Order (RMCO) period.

"Referring to the Health Ministry's statement on issues surrounding the SOP during the RMCO period, I hereby apologise to the people for the mistakes I made. As a minister, it is my responsibility to comply with the SOP and regulations throughout the RMCO period.

"To show my responsibility towards the matter, I will donate all my salaries as a minister from



Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali

May until August to the Health Ministry's Covid-19 Fund.

"I have also donated my salaries received for March and April to the same fund as per the decision of the cabinet previously."

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEWS/NATION

AUGUST 23, 2020 • NewSundayTimes

THREE IMPORTED CASES

Eight new cases reported

KUALA LUMPUR: Eight new Covid-19 cases, including five from the Tawar cluster, were reported to the Health Ministry up to noon yesterday, bringing the total number of cases to 9,257.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said of the new infections, three were imported involving one Malaysian and two non-citizens.

The imported cases, he said, were recorded in Kuala Lumpur, Sarawak and Sabah.

"A total of 183 active cases are being treated at health-care facilities around the country.

"Eight cases are being treated in the Intensive Care Unit. Four of them require breathing assistance," Dr Noor Hisham said yesterday.

He said the country's Covid-19

death toll remained at 125.

He said to date, the Tawar cluster had recorded 63 cases.

He said 2,942 people in Kedah, Penang and Perak related to the cluster had been screened for Covid-19.

"The ministry is waiting for results from the Covid-19 screening for 135 individuals in Kedah and 63 people in Penang related to the cluster," he said, adding that the close contact tracing for the cluster remained in progress.

Dr Noor Hisham addressed concerns about a social media posting urging the public to avoid allegedly Covid-19 hotspots in Subang Jaya.

He said the viral post about Covid-19 hotspots was inaccurate.

"A positive Covid-19 case was reported on Aug 10, which in-

involved a migrant worker who had undergone screening for the virus at the person's workplace.

"While waiting for the test result, the employer of the foreigner had placed the individual at a hotel in Subang Jaya, which is a location registered in the MySejahtera application.

"After the test result from the Covid-19 screening came back, the registered address of the case was moved to the person's residence in Bandar Tun Hussein Onn, Cheras, before the individual was admitted to Sungai Buloh Hospital.

"This (update on the address) is important to enable active case detection and close contact tracing in the patient's area of residence. The matter has been updated and reflected in the MySejahtera application," he said.

The ministry, via its official Twitter account, announced the end of the Kuching construction company cluster, which previously recorded two confirmed cases involving migrant workers.



A seller wearing a face mask at a market in Sungai Petani yesterday. BERNAMA PIC

A total of 183 active cases are being treated at healthcare facilities around the country.

TAN SRI DR NOOR HISHAM ABDULLAH
 Health director-general

	PRAYER TIMES					
	SUBUH (am)	SYURUK	ZUHUR	ASAR (pm)	MAGHRIB	ISYAK
Melaka	6:00	7:09	1:16	4:30	7:20	8:31
Penang	6:04	7:12	1:23	4:34	7:30	8:41
K. Lumpur	6:01	7:09	1:19	4:31	7:24	8:34
Johor Baru	5:54	7:03	1:10	4:25	7:14	8:24
Kuantan	5:56	7:05	1:13	4:26	7:18	8:28
Ipoh	6:03	7:09	1:21	4:33	7:27	8:38

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

8 Nation

SUNDAY STAR, SUNDAY 23 AUGUST 2020

Covid-19: Current situation globally
(As at 7pm Aug 22, 2020)

						New cases		Total cases		Total deaths		Total recovered			
						Malaysia		8		9,257		125		8,949	
Asean+	Philippines	Indonesia	China	Japan	Singapore	S. Korea	Thailand	Vietnam	Myanmar	Cambodia	Brunei	Laos			
Confirmed cases	187,249	151,498	84,939	59,721	56,266	17,002	3,390	1,009	435	273	143	22			
Deaths	2,966	6,594	4,634	1,155	27	309	58	25	6	0	3	0			
Recovered	114,921	105,198	79,851	46,467	53,651	14,169	3,220	545	337	253	139	20			
Global Top 10	US	Brazil	India	Russia	South Africa	Peru	Mexico	Colombia	Spain	Chile					
Confirmed cases	5,796,727	3,536,488	2,979,562	951,897	603,338	576,067	549,734	522,138	407,879	393,769					
Deaths	179,200	113,454	55,950	16,310	12,843	27,245	59,610	16,568	28,838	10,723					
Recovered	3,127,418	2,670,755	2,223,202	767,477	500,102	384,908	376,409	348,940	N/A	367,897					

'I apologise to all Malaysians'

Khairuddin donates four months' salary to national Covid-19 fund

Government may further reduce price of face masks

By FATIMAH ZAINAL
fatimah@thestar.com.my

PETALING JAYA: Plantation Industries and Commodities Minister Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali will be returning four months of his ministerial salary as an act of remorse for violating the 14-day quarantine ruling after returning to Malaysia from overseas.

In a statement yesterday, Mohd Khairuddin said he would donate the money to the national Covid-19 fund under the Health Ministry.

The Kuala Nerus PAS MP came under widespread criticism for skipping quarantine after returning from Turkey in July.

"Referring to the Health Ministry's press statement on the SOP under the recovery movement control order (MCO), I apologise to all Malaysians for the mistake that occurred.

"As a minister, I have the responsibility to follow all the regulations and SOP throughout the recovery MCO.

"To show that sense of responsibility, I will be returning all my salary as a minister from May to August.

"My salary for March and April



Remorseful: Khairuddin pictured during a press conference at Hospital Selayang. In a statement, he announced that four months of his salary will be going to the Health Ministry's Covid-19 fund. — Bernama

were also contributed towards the fund, as per the Cabinet's previous decision," he said.

In March, the Cabinet decided that all of the members' salaries for March and April would go towards the Covid-19 fund.

Mohd Khairuddin also vowed to continue working hard and redouble his efforts in carrying out his duties as a minister.

"This is to ensure the rakyat

involved in the plantation industries and commodities, especially over a million B40 smallholders, will always receive benefits and have their welfare taken care of," he said.

Earlier yesterday, the Health Ministry issued a statement which said Mohd Khairuddin had been fined RM1,000 on Aug 7 for failing to adhere to the regulations under Act 342.

The ministry clarified that Mohd Khairuddin had already settled the compound, and confirmed that the three nasopharyngeal swab tests on him came out negative.

On Aug 18, Seputeh MP Teresa Kok claimed in the Dewan Rakyat that Mohd Khairuddin had visited Turkey in an unofficial capacity until July 7, but did not undergo the mandatory 14-day quarantine upon returning to the country.

On Aug 20, she further claimed that Mohd Khairuddin had been accompanied on his trip by family members and officials, with pictures of him attending various functions, including with other officials and ministers, seen on social media, leading many Malaysians to be outraged at what seemed to be double standards.

Recently, a 72-year-old senior citizen was fined RM8,000 and sentenced to a day's jail after violating her home quarantine order in Ipoh, while in Penang, a 42-year-old technician was fined RM2,500 for the same offence.

Watch the video
thstartv.com



SUBANG JAYA: The government is considering a further reduction of the latest RM1 retail ceiling price for three-ply face masks to as low as 70 sen, says Datuk Alexander Nanta Linggi.

The RM1 ceiling price, a reduction of the earlier RM1.20 price, was enforced on Aug 15.

"We may take a month to study the retail ceiling price of face masks. We are considering the price to be between 70 sen and 80 sen," the Domestic Trade and Consumer Affairs Minister said after a walkabout session at Mydin USJ here in conjunction with the OHMYDIN! The Brand Festival and Buy Malaysian products campaign being held by the hypermarket.

Alexander expressed appreciation to Mydin for selling face masks at 20 sen each or RM10 for 50 pieces.

"This must be the cheapest in the world," he said.

The maximum retail price is RM1 per unit or RM50 per box while the wholesale price was set at 95 sen per piece or RM47.50 per box.

It was made compulsory to wear face masks in crowded public places and in public transport from Aug 1.

Positive case in Subang Jaya 'inaccurate'

PETALING JAYA: The positive Covid-19 case alert in Subang Jaya as seen in the MySejahtera app recently is inaccurate, says Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The Health director-general clarified that the employer of a positive Covid-19 case that was reported on Aug 10 had initially quarantined the employee at a Subang Jaya hotel while waiting for the employee's Covid-19 test results, which led to the location being registered in MySejahtera.

"After confirming the Covid-19 test results, the registered address of the case was then moved to his home address in Bandar Tun Hussein Onn, Cheras, before he was admitted to the Sungai Buloh Hospital.

"This is important because every active case detection action and also close contact

tracing was done at the place he lived, which is in Bandar Tun Hussein Onn.

"This location was then updated on the MySejahtera app," Dr Noor Hisham said in a statement yesterday.

A viral message on social media on Friday had caused panic as it urged the public to avoid certain shopping malls in Subang Jaya, claiming that Covid-19 cases had been detected.

Meanwhile, Dr Noor Hisham said Malaysia recorded eight new cases as of yesterday, bringing total infections in the country to 9,257, with 183 active cases.

Out of the eight new cases, Dr Noor Hisham said three were imported ones while the rest were local transmissions.

The imported cases involved one Malaysian

and two foreigners.

For the local transmissions, Dr Noor Hisham said all five cases were from the Tawar cluster in Kedah.

To date, Dr Noor Hisham said there were a total of 63 positive Covid-19 cases from this cluster, with 52 cases from Kedah and 11 from Penang.

As of yesterday, 2,942 people from the Tawar cluster have been screened.

From that amount, 2,414 people were screened in Kedah while 517 people were tested in Penang.

He noted that all 11 individuals screened in Perak tested negative.

"There are eight positive Covid-19 cases that are being treated in intensive care units, with four cases requiring ventilator support,"



he said, adding that four patients had been discharged.

This brings the cumulative number of discharged cases to 8,949.

No deaths were recorded, with the death toll staying at 125.

Police prepared for extension of recovery MCO

By FARIK ZOLKEPLI
farik@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Police are ready if the recovery movement control order (MCO) is extended beyond Aug 31, says Deputy Inspector-General of Police Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani.

"We are prepared to perform our duties as long as the Covid-19 pandemic is not over," he said.

"We are ready for any eventuality, including the possibility that the recovery MCO is extended.

"We hope the public will adhere to the SOP, including wearing face masks and maintaining physical distancing," he said.

Johor police chief Comm Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay said the state police were also prepared if the recovery MCO was extended.

"The state police have been deployed and performed all the necessary duties since the

MCO started on March 18," he said.

He said the Johor police would improve certain aspects of their duties.

"We have good cooperation with other agencies, including the Armed Forces and local councils," Comm Ayob said.

Selangor police chief Comm Datuk Noor Azam Jamaludin said they would continue with their monitoring of public compliance with the standard operating procedure.

"Whatever may come, we are always pre-

pared," he said.

Pahang police chief Comm Datuk Abdul Jalil Hassan said the state police were ready if the recovery MCO was extended.

"We are prepared to perform our duties based on the government's decision on the matter.

"Our readiness is always at an optimum level. Together with other agencies, we are confident that we will be able to do our part," he said.